

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed



MENARUH HARAPAN MENJELANG 2016

Tahun 2015 bakal melabuhkan tirai malam ini. Sepanjang tahun ini negara menyaksikan berlakunya pelbagai peristiwa suka duka yang mewarnai kehidupan rakyat kita yang pastinya bakal meninggalkan seribu satu kenangan. Hakikatnya rakyat menantikan 2016 dengan harapan dan impian yang besar meliputi pelbagai aspek kehidupan harian. Walaupun azam tahun baru setiap individu berbeza mengikut kehendak dan impian masing-masing, namun secara keseluruhannya impian dan harapan rakyat Malaysia boleh dirumuskan berdasarkan beberapa aspek utama seperti isu peningkatan kos sara hidup, soal kebijakan dan kehidupan sosial serta kestabilan politik dan keselamatan negara.

Spanjang 2015 antara isu yang menarik perhatian kita ialah ketidaktentuan suhu politik tanah air yang ada ketikanya cukup panas dan mendidih sehingga merisaukan rakyat. Gelora dan konflik dalam yang melanda beberapa parti politik seperti parti komponen Barisan Nasional (BN) membabitkan UMNO dan MIC serta Pakatan Rakyat membabitkan PAS, DAP dan PKR, rombakan Kabinet sehingga berlakunya pengantian jawatan Timbalan Perdana Menteri serta tertubuhnya satu lagi parti baru iaitu Parti Amanah Negara terus merancakkan suasana politik negara ini.

Dalam pada itu peningkatan kos sara hidup secara mendadak, penguatkuasaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai April 2015, kelembaban ekonomi global dan negara, ketidaktentuan nilai ringgit, kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan, termasuk kos pengangkutan awam serta kesukaran untuk memiliki rumah yang juga mengalami kenaikan harga yang cukup signifikan pula terus mencengkam kehidupan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah, sederhana dan miskin bandar.

Justeru, kedatangan 2016 dinantikan dengan penuh debaran oleh semua pihak dengan harapan akan adanya sinar cahaya di hujung terowong bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap parti politik yang ada seterusnya meningkatkan tahap kebijakan dan keselamatan rakyat secara keseluruhannya. Secara realitinya apa yang berlaku pada tahun ini cukup memeritkan majoriti rakyat kita yang masih terpaksa hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Tahap kesempitan hidup rakyat kita dilihat semakin

memuncak dan cukup terdesak. Maka besarlah harapan rakyat agar permasalahan asas seperti kenaikan harga barang dan kos sara hidup, peluang pekerjaan serta peluang untuk memiliki rumah dapat diberi perhatian khusus dan di selesaikan dengan segera.

Dalam konteks ini, walaupun pihak kerajaan tampil dengan pelbagai mekanisme baharu untuk membantu rakyat termasuk meningkatkan kadar BRIM serta mengapungkan harga bahan bakar supaya rakyat atau golongan tersasar dapat menikmati kehidupan yang lebih baik, namun tindakan segelintir pemborong dan peniaga yang sengaja mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan tetap mencemaskan rakyat. Akibatnya segala inisiatif kerajaan untuk meringankan beban rakyat masih tidak kesampaian sepenuhnya dan akhirnya kerajaan juga dipersalahkan. Justeru, diharapkan pihak kerajaan akan meningkatkan lagi inisiatif yang lebih berfokus dan spesifik kepada kumpulan sasaran untuk membantu rakyat secara menyeluruh di samping mempergiatkan aspek pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga yang degil dan kejam.

Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi domestik 2016 diunjur mampu berkembang lebih kukuh berbanding 2015, namun persoalan yang timbul sejauh mana ia mampu memberi impak yang positif kepada ekonomi harian rakyat kita, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Tiada gunanya ekonomi kita dikatakan kukuh tetapi kos sara hidup semakin meningkat. Justeru, rakyat berharap agar 2016 bukan saja boleh menjanji pertumbuhan ekonomi yang mapan, tetapi lebih penting dapat meningkatkan taraf hidup dan ke sejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Dalam hal ini peluang pekerjaan, termasuk peluang perniagaan mahupun keusahawanan juga perlu diwujudkan dan dibuka seluas-luasnya dengan lebih banyak bagi memenuhi keperluan graduan universiti kita yang semakin bertambah pada setiap tahun.

Dari aspek kestabilan politik dan keselamatan negara pula, pelbagai isu yang berlaku sepanjang 2015 sewajarnya dijadikan pedoman dan panduan yang azimat demi kelangsungan kestabilan kehidupan masyarakat majmuk kita. Cukup-cukuplah segala drama politik yang berlaku. Percayalah betapa rakyat semakin muak de-

ngan drama umpama sinetron yang tidak berkesudahan. Rakyat mahukan kerajaan yang stabil dan kuat serta ahli politik yang bijak, matang dan profesional yang dapat merasai denyut nadi setiap pengundi mereka.

Di samping itu kerapuhan perpaduan kaum yang turut dikaitkan dengan politik perkauman dan kepartian masih meresahkan rakyat. Kelantangan beberapa pihak yang mempersoalkan intipati Perlumbagaan Persekutuan seperti hak keistimewaan orang Melayu, raja-raja Melayu, kedudukan bahasa Melayu serta agama Islam atas alasan demokrasi dan hak kebebasan bersuara jelas mengundang pelbagai reaksi masyarakat. Kelompok majoriti risau dan marah kerana dikhawatir isu sensitif seperti ini boleh memecahbelahkan rakyat dan menghancurkan jambatan perpaduan yang telah kita bina selama ini. Hakikatnya jambatan perpaduan yang dibina atas dasar muafakat, toleransi dan kerjasama yang jitu generasi terdahulu mula menampakkan sedikit ketertakan akibat ketamakan kuasa dan kepentingan peribadi kelompok tertentu yang sanggup buat apa saja demi memenuhi impian politik mereka. Justeru, harapan kita pada 2016 agar hubungan kaum dapat diperkasakan semula. Keharmonian dan rukun hidup masyarakat majmuk perlu terus dipertahankan. Kerajaan perlu lebih tegas dalam menangani isu sensitif seperti ini agar tidak dibiarakan menjadi virus yang sukar dirawat kelak.

Di samping kita berharap agar pihak kerajaan akan menunaikan tanggungjawab mereka terhadap segenap lapisan masyarakat, kita juga berharap agar rakyat turut bersama-sama berganding bahu mengharungi cabaran mendatang secara bersama. Percayalah 2016 bakal menjanji lebih banyak lagi cabaran yang kompleks yang menuntut kita berdiri teguh dan kukuh sebagai sebuah negara bangsa yang kuat.

Menjelang tahun baru ini, marilah kita seluruh rakyat Malaysia berganding bahu bersama-sama lupukan segala persengketan dengan buang yang keruh dan ambil yang jernih seterusnya berhijrah ke arah membentuk sebuah negara yang aman dan terus mekar di persada antarabangsa. Sama-samalah kita berdoa agar harapan itu menjadi kenyataan. Selamat menyambut tahun baru.